

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH
FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**
TARIKH : **25.5.2016**
SOALAN :

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah dicapai mengikut perancangan sejak dilaksanakan pada tahun 2013 sehingga kini dan adakah sistem yang melibatkan pendidikan akan sentiasa berubah apabila berlaku pertukaran Menteri sehingga memberi kesan tidak baik kepada proses pembelajaran dan pengajaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Gelombang 1 (2013-2015) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah menunjukkan peningkatan dalam semua aspirasi sistem yang sasaran iaitu Kualiti, Akses, Kecekapan, Ekuiti dan Perpaduan.

Dari segi peningkatan kualiti pendidikan, bagi program LINUS 2.0, daripada 1,313,752 murid yang melalui proses saringan, sebanyak 98.7% murid Tahun 3 berjaya menguasai literasi asas Bahasa Melayu, 99.0% menguasai numerasi asas dan 78.3% murid Tahun 2 berjaya menguasai literasi asas Bahasa Inggeris. Selaras dengan usaha KPM untuk meningkatkan kualiti pendidikan setanding dengan sistem pendidikan terbaik pada peringkat antarabangsa, maka aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) diterapkan secara menyeluruh di dalam kurikulum, pedagogi dan pentaksiran. Untuk itu, seramai 15,768 guru Sains, 16,123 guru Matematik dan 50,957 guru subjek lain telah melalui latihan pedagogi dan pentaksiran untuk KBAT. Pada tahun lepas juga, sebanyak 62 modul intervensi *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)* dan *Programme for International Student*

Assessment (PISA) dibangunkan sebagai langkah jangka panjang bagi memastikan standard kurikulum dan penilaian kebangsaan adalah setara dengan TIMSS dan PISA.

Manakala, dari segi peningkatan kompetensi guru Bahasa Inggeris seramai 10,502 guru Bahasa Inggeris telah dilatih semula di bawah Programme for English Language Teachers atau ProELT. Program intervensi merangkumi Komponen dalam Bilik Darjah dengan bantuan SISC+ dan Ketua-Ketua Panitia, manakala bagi Komponen Luar Bilik Darjah ataupun ko-kurikulum pula, Kementerian telah menjalankan usaha sama dengan pelbagai agensi termasuk Kedutaan Amerika Syarikat dan akademi tempatan.

Dalam usaha untuk memartabatkan profesion keguruan seperti yang dihasratkan di bawah Anjakan 4 PPPM, syarat kemasukan guru baharu telah diperketatkan. Pada 2014, 100% guru pelatih baharu yang diambil mendapat sekurang-kurangnya 5A di dalam peperiksaan SPM, manakala mereka yang mendaftar untuk program Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua atau TESL mendapat gred A untuk subjek Bahasa Inggeris. Kualiti pemimpin sekolah juga menjadi keutamaan kepada Kementerian. Di bawah inisiatif Piagam Pemimpin, lebih 2000 pemimpin sekolah telah memperolehi sijil *National Professional Qualification for Educational Leaders* atau NPQEL, dengan 63% daripada mereka memperolehi CGPA 3.75 ke atas. Pelbagai program telah dijalankan bagi memastikan pemimpin pelapis sentiasa bersedia untuk meneruskan kepimpinan sedia ada. Maklumat lengkap pencapaian Gelombang 1 PPPM akan diterbitkan bersekali dengan Laporan Tahunan PPPM 2015 dan akan dibentangkan dalam masa terdekat.

Segala pencapaian yang tersebut di atas, merupakan hasil usaha gigih serta dedikasi pelbagai pihak berkepentingan, khususnya warga KPM dalam menjayakan transformasi pendidikan negara. Pastinya usaha ini akan dipertingkatkan lagi kerana kita sedang melangkah ke ambang Gelombang Dua, 2016 hingga 2020.